

**SYARAT-SYARAT PEGAWAI YANG MELAYAKKAN
UNTUK KENAIKAN PANGKAT SECARA 'ONE-OFF'**

Pegawai yang layak dipertimbangkan kenaikan pangkat secara 'one-off' ini perlu memenuhi semua syarat berikut :-

1. Menerima tawaran opsyen SSPA;
2. Disahkan dalam perkhidmatan;
3. Telah berada di suatu gred lantikan/kenaikan pangkat **sebelum atau pada 30 November 2024** mengikut tempoh yang ditetapkan seperti jadual di bawah :-

Jadual Tempoh Minimum Perkhidmatan Melayakkan

Gred Perjawatan		* Tempoh Minimum	
SSM	SSPA	Sandangan Gred Semasa SSM	Perkhidmatan Keseluruhan Dalam Skim Perkhidmatan
Gred 41/42 ke Gred 44	Gred 9 ke Gred 10	8 Tahun	8 Tahun
Gred 44 ke Gred 48	Gred 10 ke Gred 12	8 Tahun	16 Tahun
Gred 48 ke Gred 52	Gred 12 ke Gred 13	6 Tahun	22 Tahun

* **Tempoh yang menyebabkan pegawai hilang kekananan yang tidak boleh diambil kira sebagai tempoh sandangan gred semasa dan tempoh perkhidmatan keseluruhan :-**

- Pelanjutan tempoh percubaan dengan denda.
 - Cuti separuh gaji dan cuti tanpa gaji kecuali cuti belajar.
 - Pegawai yang pernah memohon untuk dilantik ke jawatan dalam skim perkhidmatan yang lain tetapi kemudiannya memohon kembali ke skim perkhidmatan terdahulunya (pertukaran pelantikan atas permohonan sendiri)
4. Memperoleh **markah Laporan Prestasi Tahunan (LPP) 85% dan ke atas bagi tiga (3) tahun terkini** berdasarkan :
 - **Wajaran 20% bagi tahun 2021,**
 - **Wajaran 35% bagi tahun 2022 &**
 - **Wajaran 45% bagi tahun 2023**
 5. **Markah LPP tahun terakhir iaitu tahun 2023 = Minimum 85%;**

6. Diperaku oleh Ketua Jabatan dan Ketua Perkhidmatan;
7. Bebas daripada hukuman tatatertib pada 30 November 2024 dan semasa perakuan dibawa kepada Lembaga Kenaikan Pangkat;
8. Telah isytihar harta berdasarkan peraturan yang telah ditetapkan;
9. Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
10. Bebas daripada disenarai sebagai Peminjam Pendidikan Tegar oleh institusi pinjaman pendidikan; dan
11. Syarat- syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Agensi
 - *Jawatankuasa Pemilih Kumpulan Pengurusan & Profesional (Akademik)*
 - *Jawatankuasa Pemilih Kumpulan Pengurusan & Profesional (Bukan Akademik)*
